

Perumian, Pentahkikan dan *Takhrij* Kitab *Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim*

BITARA

Volume 6, Issue 2, 2023: 1-15
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 12 February 2023
Accepted: 14 March 2023
Published: 4 April 2023

[The Method of Reforming, Verifying and *Takhrij* Kitab *Tafsir al-Qur'an al-Karim*]

Nor Farah Ain Nor Isamudin¹ & Mazlan Ibrahim^{1*}

1 Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
e-mail: farraaen30@gmail.com; mazib@ukm.edu.my

* Corresponding Author: mazib@ukm.edu.my

Abstrak

Kitab *Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim* karangan Haji Abdullah Abbas Nasution adalah sebuah kitab manuskrip tulisan Jawi klasik. Walaubagaimanapun, masyarakat kini menghadapi kesukaran untuk membaca dan memahami makna dan maksud kitab tersebut. Terdapat hadis-hadis yang digunakan/dimasukkan dalam kitab ini tidak didatangkan matan bahasa Arab memadai dengan terjemahannya sahaja, namun ada juga yang sebaliknya. Terdapat juga sebahagian hadis yang disebut perawi sahaja tetapi tidak didatangkan matannya. Satu bentuk kajian *takhrij* yang komprehensif perlu dilakukan dari aspek perumian, pentahkikan dan pentakhrijan agar kitab tafsir ini boleh dimanfaatkan oleh semua peringkat masyarakat. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan kaedah perumian, kaedah pentahkikan sumber dan rujukan di samping menjelaskan metode pentakhrijan bagi hadis-hadis yang terdapat di dalam manuskrip tafsir tersebut. Oleh itu, kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif dalam menganalisis data iaitu merumikan Jawi klasik Melayu, mentahkik rujukan serta mentakhrijkan hadis yang terdapat pada ayat-ayat al-Qur'an yang ditafsirkan dalam kitab tafsir tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa ejaan Jawi klasik yang terdapat didalamnya perlu dirumikan bagi memastikan kitab tafsir ini dapat memberi manfaat yang maksimal kepada para pembacanya. Sumber rujukan yang digunakan adalah merangkumi kitab tafsir lama dan baru daripada kalangan kitab-kitab tafsir Arab dan Melayu. Manakala terdapat beberapa metode atau gaya penulisan hadis yang dinukilkan oleh penulis dalam usaha beliau menjelaskan hadis-hadis Nabi SAW sebagai penjelasan kepada ayat-ayat al-Qur'an yang semuanya dijelaskan di dalam bahagian perbincangan di dalam artikel ini.

Kata kunci: Perumian, Tahkik, *Takhrij*, Kitab *Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim*, Haji Abdullah Abbas Nasution.

Abstract

The book *Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim* by Haji Abdullah Abbas Nasution is a classic Jawi manuscript book. However, the community now has difficulty reading and understanding the meaning and meaning of the book. There are hadiss used/included in this book that do not come with Arabic matan sufficient with its translation only, but there are also others. There is also a part of the hadis which is called narrator only but the opinion does not come. A comprehensive form of *takhrij* study should be done in terms of formulation, determination and reconciliation so that this book can be used by all levels of society. The purpose of this study is to explain the method of formulation, the method of resource extraction and reference as well as to explain the method of reconciliation for the hadiss found in the manuscript. Therefore, this study uses a descriptive approach in analyzing the data which is to formulate the Malay classical Jawi, rawkik reference as well as the hadis found in the verses of the Qur'an which are interpreted in the tafsir book. The results of the study found that the spelling of the classical jawi in it should be formulated to ensure that the book can be of maximum benefit to

its readers. The reference sources used include old and new tafsir books from among the books of Arabic and Malay interpretations. While there are several methods or styles of writing hadiss cited by the author in his efforts to explain the hadiss of the Prophet PBUH as an explanation to the verses of the Qur'an which are all explained in the discussion section of this article.

Keywords: Reforming, Verifying, *Takhrij*, *Kitab Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim*, Haji Abdullah Abbas Nasution.

Cite This Article:

Nor Farah Ain Nor Isamudin & Mazlan Ibrahim. (2023). Perumian, Pentahkikan dan Takhrij Kitab Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim [The Method of Reforming, Verifying and Takhrij Kitab Tafsir al-Qur'an al-Karim]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(2): 1-15.

Pengenalan

Keberadaan manuskrip al-Qur'an di pelbagai wilayah dan lapisan masyarakat ini menunjukkan bahawa penyalinan al-Qur'an di Alam Melayu pada masa lampau cukup meluas. Pada hari ini, mushaf-mushaf lama tersebut kebanyakannya disimpan di pusat-pusat tertentu seperti muzium, perpustakaan, masjid, pesantren serta ada di antaranya yang menjadi koleksi peribadi ahli waris. Selain penyalinan *mashaf al-Qur'an*, Alam Melayu juga mula mengembangkan ilmu-ilmu al-Qur'an (*Ulum al-Qur'an*). Ini terbukti apabila banyak bidang ilmu al-Qur'an mula disalin oleh para penyalin manuskrip atau dikarang oleh para ulama (Asmadi, Ashrofzaki, dan Syuhaida Ida, 2014).

Kajian ini menggunakan *Kitab Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim* yang merupakan sebuah teks Jawi klasik. Terdapat ramai masyarakat Islam kini yang tidak dapat menguasai sistem jawi dengan baik dan sudah pasti mencerminkan keupayaan mereka dalam memahami kitab-kitab agama lama yang menggunakan sistem Jawi lama. Haji Abdullah Abbas Nasution tidak mengemukakan ayat al-Qur'an dalam teks Arab, beliau hanya mendatangkan tafsiran teks dalam rumi sahaja. Hal ini memberi kesukaran kepada pembaca bagi mengenal pasti ayat-ayat al-Qur'an tersebut, meskipun ia sudah menjadi kebiasaan bagi pengarang kitab-kitab lama. Dengan kajian yang dilakukan ini, akan menambahkan ilmu lagi kepada masyarakat dalam memahami isi kandungan tafsir ini serta beramal dengannya. Menurut Ismail Yusop dalam kajiannya yang bertajuk "*Perkembangan Penulisan dan Terjemahan Kitab-Kitab Tafsir di Malaysia*", beliau menyatakan penulisan kitab-kitab tafsir di Malaysia telah lama dilakukan oleh ulama-lama Melayu, sama ada sebahagian atau sudah lengkap 30 juz' al-Qur'an. Berkemungkinan juga tulisan-tulisan mereka itu tidak dicetak atau diedarkan kepada orang ramai, sekiranya berbentuk manuskrip ia menjadi bahan rujukan para guru untuk mengajar di madrasah, masjid, pondok dan surau. Kenyataan ini ada betulnya, kerana tidak ramai yang mencuba untuk mencari tokoh-tokoh ulama Melayu ini setelah mereka meninggal dunia serta penulisan mereka hilang begitu sahaja tanpa dikaji dan dibongkar oleh para ilmuwan.

Oleh hal demikian, kajian ini menjalankan kaedah pentahkikan bagi *Kitab Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim* dalam mengkaji ayat-ayat al-Qur'an secara terperinci agar dapat digambarkan bagaimana bentuk kitab tafsir tersebut, di samping susunan metode penulisannya. Kitab ini adalah kitab tafsir daripada Nusantara, akan tetapi ianya tidak sempat dihabiskan

tafsirannya. Ayat-ayat al-Qur'an dalam kitab tafsir ini didatangkan sekali dengan terjemahannya. Tafsirannya juga mempunyai tafsiran yang jelas mengenai sesuatu kisah atau kejadian, dan metode tahkik akan digunakan. Kitab ini semestinya mempunyai sumber rujukan yang asal daripada kitab-kitab Arab, maka dari sumber rujukan itu, dapat mengetahui asal-usul sesuatu perkara yang di tampilkan di dalam kitab *Tafsir al-Qur'an al-Karim*.

Penumpuan kajian ini adalah untuk merumikan, mentahkik dan mentakhrij hadis pada beberapa surah terpilih dalam *Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim* nukilan Haji Abdullah Abbas Nasution. Antara surah yang dipilih penulis bagi perumian teks dalam kajian ini adalah surah *al-A'raf* bermula ayat 27 hingga ayat 206, surah *al-Anfal*, surah *at-Taubat*, surah *Yunus a.s* dan surah *Hud*. Oleh itu, kajian ini hanya menumpukan surah-surah yang dinyatakan sahaja tanpa merangkumi surah-surah yang lain yang mana ia memerlukan penyelidikan dan penelitian yang lain.

Pengenalan Manuskrip Kitab *Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim*

Kitab tafsir ini dikarang pada tahun 1956 dan diselesaikan sebanyak 15 juzuk yang pertama pada tahun 1959. Menurut Mazlan Ibrahim (2008) kitab tafsir ini mengandungi dua jilid besar, berkulit keras, bersaiz 18X23 inci dengan tulisan khat yang cantik. Jilid pertama pula mempunyai 250 muka surat. Kitab ini dimulakan dengan puji-pujian kepada Allah S.W.T serta pendahuluan pada muka surat 1, dan tafsir jilid pertama ini berakhir pada ayat 27, Surah *al-A'raf*. Kemudian jilid kedua pula mempunyai 251 muka surat, bermula dari ayat 28, Surah *al-A'raf* dan berakhir pada ayat 87, Surah *al-Kahfi*.

Kitab ini juga merupakan kelangsungan daripada kitab terjemahan al-Qur'an yang ditulis oleh Haji Abdullah Abbas Nasution iaitu kitab Quran Besar Bergantung al-Qur'an al-Karim, ia juga diberi nama kitab Tafsir Haji Abdullah Abbas Nasution. Kitab *Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim* adalah gabungan pada kitab *Panduan 28 Mencari Hukum dan Kisah di dalam al-Qur'an al-Karim* (Haji Abdullah Abbas Nasution 1959). Justeru itu, ayat-ayat al-Qur'an juga didatangi bersama dengan terjemahannya bagi memudahkan para pembaca. Bagi menjimatkan ruang kertas dan muka surat, pengarang telah membahagikan helaian tafsirannya diletak kepada dua bahagian. Pengarang juga mengehadkan tafsirannya dengan mentafsirkan kesemua ayat yang terdapat pada muka surat yang bersebelahan, tetapi ada juga yang pengarang terpaksa menyambung tafsiran tersebut ke muka surat seterusnya jika tafsiran itu agak panjang (Mazlan 2008). Selain itu, didapati juga Haji Abdullah Abbas Nasution menggunakan kaedah *tafsir bi al-Ma'thur* dan *tafsir bi al-ra'yi mamduh* berteraskan corak aliran tafsir ijtima'. Kitab tafsir ini dianggap sebagai kitab tafsir yang pertama dalam pasca kemerdekaan Tanah Melayu yang menjelaskan persoalan kemasyarakatan yang berlaku pada masa tersebut (Mazlan Ibrahim & Badlihisam 2008).

Biodata Pengarang Manuskrip Kitab *Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim*

Haji Abdullah Abbas Nasution merupakan seorang tokoh ulama Melayu yang tidak dikenali ramai pada zaman ini dengan terperinci. Oleh kerana itu, karya-karya beliau tidak mendapat liputan yang meluas dan tidak diketahui oleh masyarakat. Beliau juga seorang ulama Kedah yang banyak menabur bakti bagi menyebarkan agama Islam. Dalam waktu yang sama, beliau juga aktif dalam Persatuan Ulama Kedah (PUK). Perjuangan Haji Abdullah Abbas Nasution dalam PUK secara khusus di Kedah untuk menyatupadukan umat agama Islam sehingga perjuangan beliau meninggalkan impak yang positif terhadap perkembangan Islam di negeri Kedah dan juga seluruh negara.

Nama lengkap Haji Abdullah Abbas Nasution adalah Haji Abdullah Nasution bin Haji Abbas Nasution bin Abdul Karim (Malim Karimun) bin Alauddin (Laidin) bin Haji Abdul Rahman (Haji Dahaman Nasution) bin Haji Idris bin Haji Hasan Basri (Pagu Nasution) bin Sori Tua bin Bundanalot Nasution (Haji Abdullah Abbas Nasution t.th.b). Beliau dilahirkan di Tanjung Alam Kisaran yang terletak di dalam daerah Asahan iaitu di Sumatera Utara, Indonesia pada 12 Rabiul Awwal 1330H \ 4 Mac 1912M. Beliau wafat pada hari Sabtu 4 Jan 1987, atas sebab beliau jatuh sakit (Mazlan Ibrahim 2008; Mazlan Ibrahim, Mahsor Yahya & Azmul Fahimi Kamaruzaman 2011, Mazlan Ibrahim & Badlihisam Mohd Nasir 2008).

Dalam kehidupan Haji Abdullah Abbas Nasution, beliau sangat menitikberatkan ilmu pengetahuan yang tinggi. Beliau mencari ilmu di merata tempat, di antara tempat pendidikan yang pertama di Sekolah Melayu Langgar, Kedah Ketika itu beliau berusia 10 tahun. Kemudian beliau meneruskan pelajaran selama 3 tahun di Pondok Pulau Pisang, Jitra dan di Air Hitam, Alor Setar pada tahun 1926. Seterusnya, bapa beliau telah menghantarnya di negeri Kelantan di Pondok Tok Kenali bagi tujuan untuk menyambung pelajaran beliau. Pondok Kenali adalah merupakan pondok seorang tokoh ulama' yang tersohor iaitu Tok Kenali pada tahun 1928. Setelah kewafatan Tok Kenali, Haji Abdullah Abbas Nasution meneruskan pengajiannya di Masjid Muhammadi, Kota Bahru pada tahun 1963. Beliau turut mendidik anak-anaknya dengan memberikan ilmu yang terbaik atas usahanya dengan mencari rezeki bagi menampung pelajaran mereka agar tidak ketinggalan dalam pelajaran (Mazlan Ibrahim 2008).

Haji Abdullah Abbas Nasution bukanlah seorang guru akan tetapi beliau mengikuti jejak langkah bapanya menjadi seorang ahli perniagaan. Hasil usaha perniagaannya, beliau berjaya membeli tanah di Tanjung Pauh untuk didirikan sebuah pondok pengajian Islam iaitu Madrasah Ihya' ul-Ulum al-Dinyah (Haji Abdullah Abbas Nasution t.th). Tambahan pula, pembayaran gaji guru-guru, pembinaan sekolah dan lain-lain turut dibiayai oleh beliau. Daripada pembinaan pondok ini, beliau lebih dikenali sebagai ulama kedah pada tahun 1910-1945 (Balkis 2019).

Metodologi Perumian Kitab *Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim*

Menurut Dewan Edisi Keempat (2021) adalah perihal merumikan (tulisan), perumian adalah satu proses mengalih tulisan iaitu daripada tulisan Jawi kepada tulisan Rumi (Luqman Hakim,

2016). Dalam proses perumian bagi kajian ini, pengkaji menggunakan sistem perumian jawi-rumi untuk merumikan kitab *Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim* yang masih dalam bentuk manuskrip. Berikut adalah beberapa kaedah yang digunakan:

a. Sistem Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan (PUEJMD)

Pengkaji cenderung untuk menggunakan sistem Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan (PUEJMD) kerana ia berdasarkan dokumen pedoman ejaan Jawi yang telah diterbitkan oleh DBP, dan maklumat pedoman ejaan jawi yang diselaraskan selepas itu, khususnya daripada terbitan yang berikut (PUEJMD, 2020): *Daftar Ejaan Rumi-Jawi*, *Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan*, dan *Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi Edisi Kedua*.

b. Penulisan huruf dan padanan huruf Jawi-Rumi

Dalam kajian ini padanan huruf dan cara menulis ejaan terhadap tulisan jawi klasik dalam kitab *Tafsir Harian Al-Qur'an al-Karim* secara keseluruhannya ia sesuai dengan huruf Jawi-Rumi sebagaimana yang telah dinyatakan di bawah. Terdapat permasalahan dalam merumikan sesuatu ejaan adalah kerana ketiadaan padanan huruf yang sesuai dalam bunyi sesuatu vokal dan abjad dalam kitab tafsir ini kerana kitab ini masih dalam bentuk manuskrip yang menggunakan jawi klasik melayu, maka pengkaji merumikan kitab ini dengan sistem padanan ejaan jawi-rumi yang terkini.

Jadual 1 Padanan Huruf Jawi-Rumi

Huruf Jawi	Nama Huruf	Padanan Rumi
ا	alif	a
ب	ba	b
ت	ta	t
ة	ta marbutah	h, t (ṭ)
ث	sa (tha)	s, (th)
ج	jim	j
چ	ca	c
ح	ha (ha)	h, (ḥ)
خ	kha (khO)	kh
د	dal	d
ذ	zal (dhal)	z, (dh)
ر	ra (rO)	r
ز	zai	z
س	sin	s
ش	syin	sy, (sh)
ص	sad (ş0d)	s, (ş)

ض	dad (dOd)	d, (d)
ط	ta (tO)	t, (t)
ظ	za (zO)	z, (z)
ع	ain ('ain)	awal: a, i, u akhir: k, (')
غ	ghain	gh
نم	nga	ng
ف	fa	f
پ	pa	p
ق	qaf (qOf)	k, q, (q)
ک	kaf	k
گ	ga	g
ل	lam	l
م	mim	m
ن	nun	n
و	wau	w, u, o
و	va	v
ه	ha	h
ء	hamzah	awal: gugur akhir: k, (')
ي	ya	y, i, e taling
ى	alif maqsurah/ye	a di akhir kata/ e pepet
ن	nya	ny

Sumber: Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan (PUEJMD) 2020

Catatan 1: Bunyi (O) ialah bunyi vokal belakang luas seperti bunyi [ɔ] pada kata Inggeris cost.
Catatan 2: Huruf dalam tanda kurung di bawah tajuk padanan Rumi ialah padanan untuk transliterasi huruf Arab kepada huruf Rumi dan padanan untuk mengeja istilah khusus daripada bahasa Arab. (Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan 2020).

c. Kata serapan daripada Bahasa Arab

Kitab *Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim* terdapat banyak penggunaan perkataan-perkataan yang diambil daripada bahasa Arab. Oleh itu, bagi memudahkan proses perumian daripada Jawi (Arab) kepada Rumi, satu kaedah mengeja kata serapan daripada bahasa Arab yang berupa istilah khusus dengan dieja seperti ejaan asal dalam bahasa Arab. Seperti jadual 1.2 berikut:

Jadual 2 Kata Serapan daripada bahasa Arab

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
عصر	Asar
بطل	Batal
مسليم	Muslim
حج	haji

d. Huruf *ta-marbutah* dalam kata serapan daripada bahasa Arab

Huruf *ta-marbutah* iaitu **ة** (huruf *ta* simpul), dalam kata serapan daripada bahasa Arab melambangkan [t] atau [h] sebagai sebutan yang lain, sekiranya sebutan itu berbeza tidak bermaksud maknanya pun beza. Seperti contoh:

i. Bunyi [t] dan [h] dengan ejaan *ta marbutah* (ة):Jadual 3 Huruf *ta marbutah*

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
عورة	Aurat
كلمة	Kalimat
جناية	Jenayah
خليفة	Khalifah

e. Kata Ganda

Di dalam kitab *Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim*, terdapat banyak kata ganda yang digunakan oleh pengarang di dalam memberikan pentafsiran dan penerangan terhadap ayat-ayat al-Qur'an. Oleh itu, metodologi penulisan perkataan-perkataan yang berganda adalah seperti jadual 3:

i. Kata ganda penuh ditulis dengan menggunakan tanda angka dua Hindi (٢). Penulisan kata ganda penuh seperti contoh yang berikut:

Jadual 4 Penulisan kata ganda

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
اناي٢	Anai-anai
كورا٢	Kura-kura
منترى٢	Menteri-menteri
كو فو٢	Kupu-kupu

- i. Apabila bahagian kata yang diganda itu berubah bentuknya, tanda sempang (-) digunakan sebagai tanda ganda. Kata ganda jenis ini termasuklah kata ganda berimbuhan dan kata ganda berentak. Penulisan kata ganda berimbuhan seperti contoh yang berikut:

Jadual 5 Penulisan kata ganda berimbuhan

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
انق-انقث	Anak-anaknya
برجالن-جالن	Berjalan-jalan
برسام-سام	Bersama-sama
اخير-اخيرث	Akhir-akhirnya

- ii. Penulisan kata ganda berentak seperti contoh yang berikut:

Jadual 6 Penulisan kata ganda berentak

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
لاوق-فاوق	Lauk-pauk
كو چار-كا چير	Kucar-kacir
بولاق-باليق	Bolak-balik
توغغ-لغغ	Tunggang-langgan

Catatatan: terdapat sesetengah kata ganda yang dieja dengan menambah huruf alif (ا) pada bentuk ganda yang pertama apabila menerima imbuhan kerana kata ganda dianggap sebagai satu perkataan. Contohnya, perkataan *bersama-sama* (برسام-سام), *bersuka-suka* (برسوكا-سوكا), dan *semata-mata* (سماتا-ماتا).

- f. Kata majmuk

Selain itu, terdapat satu sistem tulisan Jawi di dalam kitab *Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim*, ianya dirumikan tidak menepati sistem tulisan bahasa Melayu masa kini. Oleh itu, Dewan Bahasa dan Pustaka telah dikemaskinikan satu sistem yang dibuat dengan meletakkan kata-kata bebas yang membentuk rangkai kata majmuk, termasuk rangkai kata umum, kata istilah, ditulis pisah antara satu sama lain, sebagai contoh jadual 7:

Jadual 7 Penulisan kata majmuk

Ejaan Jawi	Padanan Jawi
سام اد	Sama ada

بوميڤوترا	Bumiputera
ورڤانڠارا	warganegara
ماتھاري	Matahari
سوكاريللا	sukarela
اوليكامو	Oleh kamu
يڠدودوق	Yang duduk

g. Tanda baca

Di dalam kitab *Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim*, hampir kesemua teks tidak diletakkan tanda baca khususnya tanda titik dan koma, oleh itu ia amat menyukarkan untuk pemahaman dan pembacaan. Maka, pengkaji kan meletakkan tanda baca pada tanda titik, koma, dan tanda-tanda yang lain jika perlu. Fungsi tanda baca Jawi sama dengan fungsi tanda bawa Rumi. Walaubagaimanapun, teks Jawi dibaca dari kanan ke kiri, maka sesetengah bentuk tanda bacanya agak berlainan. Tanda baca ini sangat penting dalam proses perumian ini. Pada buku Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan, ia terdapat 6 jenis tanda baca iaitu: tanda koma (,), tanda koma bertitik (;), tanda soal (?), tanda petik (“...”), tanda petik tunggal (‘...’). (PUEBM, 2020)

h. Penulisan kata ganti singkat

Dalam perumian kitab *Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim* ini terdapat 3 kata ganti singkat iaitu *ku*, *mu* dan *nya*, kesemuanya ini merupakan bentuk yang terdapat pada Ejaan Rumi Baru (ERB), diantara bentuk-bentuknya adalah:

- i. Perkataan *ku*, *mu* dan *nya* ia diguna pada pengakhiran ayat serangkai seperti: *daripadaku*, *daripadamu*, *daripadanya*, *kudanya*, *kudaku*, *kudamu*.
- ii. Perkataan *mu* dan *nya*, ia ditulis sebagai kata ganti nama Tuhan dengan huruf yang besar dan di italic daripada kata sebelumnya, seperti: *hamba-Nya*, *nabi-Mu*, *kasih-Nya*, *nikmat-Mu* dan *sebagainya*.

i. Partikel

Partikel yang ditetapkan pada cara penulisan dalam PUEJMD ialah *lah*, *kah*, *tah*, *pun* ia ditulis serangkai dengan kata yang ada di depannya, seperti *adalah*, *berilah*, *apatah*, *kenapakah*, *bilakah*, *tolonglah*, *sambutlah sudikah*, dan *pernahkah*. Selain itu partikel pun ditulis dengan dua cara yang berikut, “*apa-apa pun*”, “*sekali pun*”, “*dia pun ingin pergi*.” kata *pun* yang berfungsi sebagai kata penegas ditulis terpisah daripada kata yang ada di sampingnya.

- j. Sistem Nombor
- i. Nombor yang didahului oleh sendi nama *ke*, penulisannya hendaklah menggunakan tanda sempang (-). Nombor satu hingga sebelas tidak ditulis dengan angka, sebaliknya dieja, hanya nombor 12 ke atas ditulis angka. Contohnya kesebelas, ke-12, ke-125, ke-2000.
- i. Nombor yang didahului oleh sendi nama *di* tidak ditulis dengan menggunakan tanda sempang (-) dan ditulis dengan angka, contohnya di 12 buah negara, di 105 buah daerah dan sebagainya.
- k. Penulisan Huruf

Dalam penulisan terdapat huruf besar (huruf kapital) dan huruf miring (huruf condong), pengkaji akan menggunakan huruf italik dalam penggunaan kalimah bahasa Arab dan kalimah bahasa Arab yang telah diserapkan kepada bahasa melayu yang terdapat pada Kamus Dewan yang tiada condong akan ditulis seperti tulisan biasa. Untuk penulisan huruf besar, sebagaimana yang terdapat pada Sistem Ejaan Bharu Bahasa Malaysia yang berpandukan kepada buku Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia, umpamanya seperti berikut: (PUEBM,1987:11-14)

- i. Huruf besar digunakan bagi huruf pertama kata awal ayat.
- ii. Huruf besar digunakan sebagai huruf pertama petikan langsung.
- iii. Huruf besar digunakan sebagai huruf pertama dalam ungkapan yang berhubungan dengan kitab suci dan nama Allah, termasuk kata ganti untuk Allah.
- iv. Huruf besar digunakan sebagai huruf pertama gelaran kehormatan, keturunan dan keagamaan yang diikuti nama orang seperti Nabi Muhammad, Imam Bukhari, Imam Muslim dan lain-lain.
- v. Huruf besar digunakan sebagai huruf pertama unsur nama orang, seperti: Abu Bakar, Abdul Mutalib, Umar al-Khattab, Ali bin Abi Talib dan lain-lain.
- vi. Huruf besar digunakan sebagai huruf pertama nama bangsa, suku bangsa dan bahasa, seperti: bangsa Melayu, kaum Quraisy, kaum A'ad bani Quraizah dan lain-lain.
- vii. Huruf besar digunakan sebagai huruf pertama nama tahun, bulan, hari, hari raya dan peristiwa sejarah seperti: tahun Hijrah, tarikh Masihi, bulan Ogos, hari Selasa dan lain-lain.

Metodologi Pentahkikan Sumber Ambilan dan Rujukan

Tahkik adalah pengesahan atau penjelasan kepada kesamaran terhadap kitab-kitab yang terbabit. Secara umumnya proses pengesahan ini merangkumi usaha memberikan penjelasan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan istilah-istilah yang tidak jelas, huraian kepada kaedah-kaedah pendalilan yang diguna pakai (Ramzi, Amini, Nidzam & Nasir, 2019) dalam kitab tafsir ini sebagai satu kajian pentahkikan.

a. Maklumat yang tidak dijelaskan

Kitab tafsir ini adalah kitab klasik melayu yang lama, kemungkinan maksud atau bahasa yang disampaikan itu tidak sesuai untuk difahamkan pada zaman moden ini. Pengkaji hanya menerangkan perkataan yang lama atau perkataan itu dari bahasa Arab tanpa menukar susunan ayat kitab tafsir tersebut sebagai mengekalkan susunan ayat kitab yang asli. Selain itu, pengkaji akan menerangkan kisah-kisah zaman Nabi-Nabi, nama tokoh-tokoh terdahulu, jenis ayat-ayat al-Qur'an mengikut tafsiran yang bersesuaian dengannya.

b. Tiada nama surah dalam tafsirnya

Pengarang kitab ini tidak menjelaskan nama surah dan nombor ayat dalam mentafsirkan ayat al-Qur'an yang berkait dengan ayat tafsir tersebut. Oleh itu, pengkaji akan membuat nota kaki untuk meletakkan nama surah dan nombor ayat bagi memudahkan kajian ini.

c. Diriwayatkan ulama masyhur

Jika hadis tersebut diriwayatkan oleh ulama'-ulama' yang muktabar serta kitabnya seperti *Sunnan Sittah*, *Imam Ahmad* dan sebagainya dan hadis tersebut adalah *Sahih* mana pengkaji akan mengambil dengan berdasarkan riwayat itu tersebut dan dinyatakan kesahihannya. Namun, sekiranya riwayat itu *dha'if*, pengkaji akan nyatakan kedaifannya disertakan perawinya.

d. Riwayat yang tiada maklumat

Rujukan yang diambil oleh pengkaji dari kitab-kitab tafsir, kitab *tarikh* atau yang lain kebanyakan dari kitab *Tafsir Munir* kerana ia sangat berkait dengan tafsiran pengarang dan beberapa kitab yang lain bagi menyokong tafsiran beliau untuk menceritakan asbab-asbab turunnya ayat tersebut. Pengkaji akan mengambil petikan tafsiran dari kitab-kitab tafsir atau yang lain sebagai menguatkan lagi nas tersebut yang dinukilkan oleh pengarang dalam kitabnya dengan menyatakan, nama kitab, nama pengarang, bab dan halamannya sebagai rujukan.

e. Riwayat yang hampir sama

Riwayat hadis yang hampir sama maksud hadisnya, atau mempunyai nas yang berkaitan dengan hadis yang sama dibawa oleh pengarang, pengkaji akan nyatakan kedudukan sesuatu hadis pada sumber asalnya yang diriwayatkan secara bersanad dan menerangkan statusnya jika perlu. Dan pengkaji juga menjelaskan matan hadis yang penuh serta maksudnya, setelah itu pengkaji akan mentahkik perawi hadis untuk mengetahui latar belakang perawi tersebut.

f. Riwayat yang tidak diketahui

Dalam kitab *Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim*, kebanyakan riwayat atau hadis tidak diterangkan dengan jelas oleh pengarang. Oleh itu, pengkaji akan mengambil nas tersebut dan memilih tajuk hadis atau *asbabun nuzul* yang sesuai dan tepat dalam pentafsiran pengarang untuk menyatakan di dalam kajian ini.

Metodologi *Takhrij* Kitab *Tafsir Harian Al-Qur'an Al-Karim*

Ilmu *takhrij* hadis adalah salah satu ilmu Islam yang sangat penting dalam ilmu hadis selain ilmu Islam yang lain seperti tafsir, fiqh dan aqidah. Ilmu *takhrij* adalah ilmu yang berkaitan dengan hadis Rasulullah SAW, kaitan diantara al-Qur'an dan hadis begitu rapat sekali dan kedua-duanya adalah sumber bagi syariat Islam. Oleh itu, setiap mereka yang terlibat dengan syariat samada secara langsung atau tidak langsung sangat memerlukan pengetahuan berkaitan dengan *takhrij* dan sepatutnya dapat menguasainya (Fadlan, 2013). Justeru itu, kitab tafsir ini mempunyai hadis-hadis yang perlu ditakhrijkan bagi memudahkan para pengkaji untuk menjadikan kajian ini sebagai rujukan.

a. *Takhrij* berdasarkan tema hadis

Untuk melakukan *takhrij* ini dengan cara mengetahui satu tema daripada tema-tema yang terdapat di dalam hadis itu, dengan memilih tema yang lebih bersesuaian. Kaedah ini memudahkan pentakhrij mencari tema yang terdapat di dalam hadis tersebut dalam mencarinya pada kitab-kitab tertentu yang mengandungi hadisnya, sebagai contoh hadis yang terdapat di dalam kitab *Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim pada surah al-Anfal ayat 12*: “..... Diriwayatkan di dalam hadis bahawa malaikat yang menolong di dalam peperangan badar itu telah berjalan di celah-celah barisan tentera Islam dengan memberi pengakuan bahawa kemenangan itu bagi tentera Islam.....”

Berdasarkan tafsir di atas, seperti yang dimaklumi bahawa pengarang tidak meletak hadis yang khusus pada tafsirnya. Oleh itu, tafsir ini terdapat tema mengenai jihad (malaikat yang menolong di dalam peperangan badar), maka tema hadis atau riwayat ini diambil dalam kitab-kitab hadis mengikut tema hadis tersebut.

b. *Takhrij* berdasarkan kata-kata atau ayat dalam Matan Hadis

Berdasarkan pada kata-kata atau ayat yang terdapat dalam matan hadis, sama ada ia kata benda ataupun kata kerja dan bukan huruf-huruf pada hadis tersebut, pencarian hadis-hadis diperolehi dengan lebih cepat berbanding satu matan hadis. Selain itu, kaedah *takhrij* ini lebih mudah dan menitikberatkan lagi lafaz-lafaz hadis yang jarang digunakan. Langkah yang digunakan dalam mentakhrij hadis kitab tafsir ini adalah:

- i. Menentukan kata kunci yang hendak digunakan sebagai pencarian hadis utama. Jika peroleh hadis melalui kata kunci, di bawah kata kunci itu akan terdapat beberapa potongan hadis yang tidak lengkap dan mengikuti hadis tersebut turut dicantumkan kitab-kitab yang menjadikan sumber hadis. Oleh itu, ia semakin mudah dalam proses pencarian hadis dan ia juga mempunyai kelemahan kerana ada suatu hadis susah ditemui dengan hanya satu kata kunci sehingga harus menggunakan kata-kata kunci yang lain.
- ii. Jika kata kunci tidak dapat ditemui, pencarian menggunakan ayat matan yang berkait dengan tafsiran kitab tafsir ini. Hasil pencarian ini akan menemukan lebih cepat pencarian hadis berbanding dengan pencarian kata kunci, oleh kerana terdapat banyak kata kunci yang sama pada berlainan hadis yang ingin kita temukan.

c. *Takhrij* berdasarkan Perawi Hadis dari Sahabat

Setelah hadis yang terdapat dalam kitab *Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim* ini telah ditemukan, maka kaedah takhrij ini digunakan bagi mengenal perawi-perawinya yang meriwayatkan hadis, supaya ia dapat dikenali oleh pembaca dan dijadikan sebagai rujukan. Dalam pencarian perawi ini adalah sukar bagi pentakhrij, ia dilakukan dengan pencarian menggunakan kitab-kitab yang khusus dalam pencarian perawi-perawi hadis.

d. Hadis yang tidak dikritik oleh pengarang

Haji Abdullah Abbas Nasution tidak menghukumkan atau mengkritik hadis dalam kitab beliau sama ada ia adalah *sahih*, *hasan* ataupun *dha'if*. Oleh itu, pengkaji meletakkan hukum hadis sebagai panduan pembaca untuk mengenal pasti hukum hadis tersebut. Sekiranya hadis tersebut tidak dikenal pasti kategori kesahihan oleh kerana tiada perawi, pengkaji hanya meletakkan matan hadis dan sumbernya.

e. *Takhrij* menggunakan *Software* hadis

Terdapat cara efektif yang digunakan oleh pengkaji pada moden ini untuk kegiatan takhrij hadis dengan menggunakan *software* yang dibuat khas untuk mengkaji hadis dengan lebih mudah, ia dikenali sebagai literatur digital atau buku elektronik. Literatur digital dalam kajian hadis boleh difahamkan sebagai sebuah proses pengimbasan terhadap kitab-kitab hadis asli bercetak yang dimuatnaik dalam Internet bagi penggunaan dalam variasi hadis digital yang lain seperti perisian komputer atau aplikasi mudah alih. Hadis digital dalam bentuk literatur ini dikenali dengan *e-book* atau buku elektronik di mana ianya merupakan satu medium penyampaian maklumat yang merujuk kepada penggunaan elektrik (Fatimah, 2020).

Mengikut fahaman di atas pengkaji menggunakan *e-book* iaitu *software* Maktabah Syamilah versi 4.0, ia merupakan *software* yang sangat terkenal bagi para pengkaji. Dalam pencarian hadis atau perawi seperti yang telah dinyatakan di atas, pengkaji menggunakan kaedah sama dalam menggunakan program ini dengan cara-cara yang tertentu. Program ini berisi ribuan kitab dan rujukan yang berbentuk kitab atau buku dalam bahasa Arab dalam kapasiti belasan *gigabyte* bahkan ia lebih, dan ia juga dikenali sebagai kitab kuning digital terdiridaripada 6644 kitab yang disatukan dalam pelbagai bidang ilmu. *Software* ini diterbitkan oleh *jaringan Da'wah Islamiyyah al-Misykat*.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini dapat menghasilkan perumian dan pentahkikan teks-teks manuskrip yang dalam bahasa Jawi mengikut metode yang digunakan. Oleh itu, kajian mengenai teks manuskrip ini perlu diteruskan agar ilmu yang tersimpan di dalam manuskrip itu tidak akan ditelan zaman. Selain itu, pemilihan Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan (PUEJMD) adalah satu sistem ejaan yang menepati ejaan Jawi-Rumi pada masa kini yang mana ianya disusun dah diolah berdasarkan pedoman dan perkataan yang dimuatkan di

dalam Daftar Ejaan Rumi Bahasa Melayu (DERBM). Di samping itu, kaedah mentakhrij hadis juga dapat mengetahui sumber hadis sekaligus dapat menilai hadis-hadis yang menjadi rujukan pengarang, di samping pentahkikan kepada setiap sumber rujukan pengarang menunjukkan bahawa pengarang telah merujuk kepada kitab-kitab tafsir berbahasa Arab dan Melayu sebagai sumber utama beliau di samping buku-buku berkaitan sebagai rujukan tambahan dalam menghasilkan tafsir ini.

Rujukan

- Abdullah Abbas Nasution. 1959. *Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim*. Jil.1 & Jil 2. t.tp.: t.pt.
- Faizurah Basri, Salmah Ahmad & Mohd Syukri Yeoh Abdullah. 2013. Manuskrip 'Umdat AlMuhtajin Ila Suluk Maslak Al-Mufradin: Sumbangan Karya Abad 17 Masihi dalam Pembinaan Masyarakat Melayu Masa Kini. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 1(2): 31-43.
- Fatimah Abdul Khadal, 2022, Perkembangan Semasa Aplikasi Hadis Digital Versi Bahasa Indonesia dan Malaysia. Latihan Ilmiah Jabatan al-Qur'an dan al-Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2022.
- Fauzi Deraman, 2001, Ilmu Takhrij al-Hadis: Pengertian, Sejarah dan Kepentingannya, *Jurnal Usuludin*, 14: 55-54.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2021. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Luqman Hakeem Rusdi, 2016. Metodologi Perumian Kitab-kitab Klasik, Kajian Terhadap Kitab Tafsir Nur al-Ihsan, *Jurnal 'Ulwan*, 1: 111-127.
- Mazlan Ibrahim & Badlihisam Mohd Nasir. 2008. *Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim: Tafsir Melayu Pertama Pasca Kemerdekaan*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn.Bhd.
- Mazlan Ibrahim. 2008. *Tafsir Harian al-Quran al-Karim: Kajian Tokoh dan Metodologi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mazlan Ibrahim, Mahsor Yahya & Azmul Fahimi Kamaruzaman, 2011. Haji Abdullah Abbas Nasution: Tokoh Penterjemah dan Pentafsir al-Qur'an. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd Asmadi Yakob, Mohd Ashrof Zaki & Syuhaida Idha. 2014. *Manuskrip al-Quran dan Ilmu-Ilmunya (Ulum al-Quran) Di Alam Melayu: Tumpuan Terhadap Manuskrip Ilmu Tajwid*. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Mohd. Othman, Fadlan & Latifah Abdul Majid, 2013. *Metod Takhrij: Penilaian Sanad dan Matan Hadis*. Kertas kerja Student Affairs Division al-Madinah International University.
- Muhammad Ramzi, Amini Amir, Mohammad Nidzman & Ahmad Nasir. 2019. Kitab Aqidah al-Najihin dari Segi Pemaknaan, Tahqiq dan Takhrij: Satu Kajian Awal. *Jurnal al-Anwar*, 8(2): 15-38.
- Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia*, 1987. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan*, 2020. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sulaiman Muhammad Hasan, 2000. Tahqiq dan Takhrij Hidayat al-Habib di al-Targhib wa al-Tarhib oleh: Syeikh Nur al-Din al-Raniri. Tesis Dr. Jabatan Usuludin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2020.